

**TEKS UCAPAN ALUAN
KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN
KERJA RAYA MALAYSIA**

4 NOVEMBER 2015

**MAJLIS PENUTUP SIMPOSIUM
KONTRAKTOR DAN USAHAWAN
BAHAN BINAAN BUMIPUTERA
SHAH ALAM CONVENTION CENTRE**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian/Jabatan dan agensi Kerajaan,

YBhg. Tan Sri, Dato' Sri, Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan, Para Peserta Simposium Kontraktor dan Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015 sekalian,

1. Pertamanya saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini sempena majlis penutup "Simposium Kontraktor & Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015" anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya.

2. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara atas kesudian YBhg. Tan Sri untuk hadir bagi merasmikan majlis penutup simposium pada hari ini. Saya yakin dan percaya dengan kehadiran YBhg Tan Sri, akan dapat menyuntik semangat para kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera yang hadir. Kehadiran YBhg Tan Sri juga menunjukkan komitmen dan keprihatinan YBhg Tan Sri dalam mem-pastikan pembangunan kompetensi penggiat industri binaan terutamanya Bumiputera dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

3. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada **urus setia bersama program** iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F Malaysia atau (PERKOBF) dan lain-lain agensi yang telah

bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya dalam mem-pastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

4. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan KSU, Wakil-wakil KSU, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri yang sudi hadir dan sentiasa memberikan sokongan ke atas program-program pembangunan Kontraktor Bumiputera khususnya dalam sektor pembinaan.

(OBJEKTIF SIMPOSIUM KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BAHAN BINAAN BUMIPUTERA 2015)

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Selaku peneraju kepada industri binaan negara dan agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan keupayaan penggiat industri binaan Bumiputera dipertingkatkan dari masa ke semasa, Kementerian Kerja Raya telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan “Simposium Kontraktor dan Usahawan Bahan Binaan Bumiputera 2015”. Program yang diadakan pada hari ini mensasarkan seramai kira-kira 1,000 peserta yang terdiri daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera (Gred G1-G7) dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Selain itu, program ini juga turut disertai oleh usahawan atau vendor bahan binaan Bumiputera yang dijemput khas bagi mempamerkan produk-produk mereka sepanjang dua (2) hari program ini berlangsung.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Objektif penganjuran program simposium ini antara lainnya adalah:

(i) Memberi pendedahan terhadap isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan Bumiputera dalam industri binaan terhadap pelaksanaan projek-projek agensi Kerajaan dan swasta;

(ii) Mencadangkan peluang-peluang baru di dalam industri pembinaan yang sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan usahawan binaan Bumiputera kepada projek-projek kerajaan; dan

(iii) Menge-tengahkan kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berprestasi tinggi serta tulen kepada Agensi Pelaksana Kerja sektor awam.

7. Sebanyak enam (6) kertas kerja telah dibentang sepanjang tempoh simposium ini, di mana pengisiannya tertumpu kepada beberapa aspek seperti peluang-peluang yang boleh diterokai oleh kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera, halatuju pembangunan sektor pembinaan serta pengurusan perniagaan yang berkesan dalam era globalisasi dan liberalisasi ini.

8. Di samping pembentangan kertas kerja, simposium ini juga diselitkan dengan majlis pelancaran 'Blue Pages' iaitu direktori usahawan bahan binaan Bumiputera yang akan disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara sebentar lagi. 'Blue Pages' ini bertujuan untuk mempromosikan usahawan bahan binaan Bumiputera supaya kontraktor-kontraktor Bumiputera dapat menggunakan bahan-bahan binaan yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang Bumiputera dan sebagai alternatif kepada produk-produk pengusaha bukan Bumiputera dan syarikat asing dalam sektor pembekalan bahan binaan negara.

9. Selain itu, satu majlis makan malam juga telah diadakan pada malam tadi yang telah memberikan pengiktirafan kepada 22 orang "Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi" dari gred G7 yang telah dipilih sebagai kontraktor yang berdaya saing dan berkemampuan untuk diketengahkan sebagai pelaksana projek-projek pembangunan

Kerajaan mahu pun projek-projek sektor swasta dan merupakan suatu bentuk penghargaan kepada penggiat industri binaan Bumiputera yang selama ini telahpun menyumbang kepada perkembangan industri pembinaan negara.

(TRANSFORMASI KONTRAKTOR BUMIPUTERA)

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Pembangunan ekonomi dan sosial yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan selama ini telah membuka peluang-peluang pembelajaran yang tinggi di kalangan rakyat. Hasil peningkatan taraf pendidikan berkenaan, membuatkan jangkaan atau “*expectation*” rakyat terhadap mutu penyampaian perkhidmatan terutamanya dalam menyiapkan projek-projek Kerajaan yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat turut meningkat. Oleh yang demikian, secara tidak langsung tuntutan terhadap penggiat industri pembinaan terutamanya kontraktor adalah lebih mencabar dan kompleks berbanding masa-masa sebelumnya.

11. Melalui program-program pembangunan seperti yang dilaksanakan pada hari ini dan semalam, saya percaya ianya dapat membantu para kontraktor dan usahawan bahan binaan Bumiputera untuk terus meningkatkan kemahiran dan prestasi masing-masing supaya lebih berdaya saing dalam industri ini. Mudah-mudahan dengan peningkatan kemahiran dan kompetensi tuan-tuan dan puan-puan selaku penggiat industri pembinaan akan dapat memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat terhadap penyampaian projek-projek Kerajaan pada masa masa akan datang.

12. Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil pendekatan dasar pintu terbuka atau *Open Door Policy* dalam urusan bersama penjawat awam ataupun rakyat. Kementerian ini mengalu-alukan segala maklumbalas, pandangan dan cadangan membina daripada para penggiat industri pembinaan bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan seterusnya menggalakkan ekosistem industri pembinaan yang kondusif. Sehubungan itu, saya menyeru para kontraktor dan

usahawan binaan yang mempunyai sebarang masalah agar menyalurkan permasalahan terus kepada Kementerian Kerja Raya melalui Pejabat BPKU Negeri atau Ibu Pejabat, agensi-agensi di bawah Kementerian Kerja Raya atau melalui PKMM dan PERKOBF yang telah pun menjalinkan rangkaian strategik dengan pihak Kementerian. Saya juga memohon kerjasama tuan/puan agar menggunakan saluran media komunikasi yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan dengan sebaik-baiknya.

13. Bagi mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara atas kehadiran YBhg Tan Sri pada hari ini. Saya juga sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan program ini. Semoga semua usaha kita untuk memajukan bangsa dan negara akan terus diberkati oleh Allah S.W.T.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.